

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2015

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran GST yang akan dikutip daripada sumbangan negeri Sabah dan memberi perbandingan anggaran tersebut dengan negeri-negeri yang lain. Dan adakah Kerajaan berniat meningkatkan syarat penyertaan GST bagi sesebuah syarikat daripada keuntungan setahun RM500,000 ke RM1 juta atau RM2 juta memandangkan beban peniaga yang berat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula paras threshold RM500,000 yang telah ditetapkan. Berdasarkan threshold ini, sehingga 18 Mac 2015 sebanyak 354,036 buah syarikat telahpun berdaftar di bawah GST. Penetapan threshold adalah berdasarkan nilai jualan dan bukannya keuntungan.

2. Bagi mengurangkan beban kepada peniaga, Kerajaan telah mengumumkan pakej bantuan seperti berikut:

- i. Bagi tahun 2015, kadar cukai pendapatan koperasi dikurangkan satu hingga dua mata peratusan. Selain itu, yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai juga dibenarkan potongan cukai;
- ii. Bagi tahun 2016, kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratusan daripada 25 peratus kepada 24 peratus;
- iii. Bagi tahun 2016, kadar cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana dikurangkan satu mata peratusan daripada 20 peratus kepada 19 peratus;
- iv. Penyediaan perisian perakaunan bersubsidi kepada PKS;
- v. Perbelanjaan pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan; dan

vi. Perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan tambahan.